

Pilihan Raya Kampus

# 18 selesai, dua belum

>>Oleh Intan Mas  
Ayu Shahimi  
[imas@hmetro.com.my](mailto:imas@hmetro.com.my)

KUALA LUMPUR: Hanya tinggal dua universiti yang belum membentuk Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bagi tempoh 2012/2013, manakala 18 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) lain sudah melangkah ke proses bantahan serta rayuan.

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Malaya (UM) masing-masing mempunyai masalah teknikal serta jumlah undian seri bagi kerusi Fakulti hingga perlu mengadakan pilihan raya semula bagi mengekalkan integriti kedua-dua pihak.



han dari tiga jam kepada empat hari bagi memastikan pelajar benar-benar berpuas hati dengan keputusannya.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan (**gam-**

**bar**) berkata, bantahan bagi keputusan pemilihan MPP 2012/2013 Selasa lalu hanya berakhir esok (Sabtu).

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP 2012/2013 berkata, keputusan diumumkan sebelum ini belum muktamad kerana pelajar masih boleh membantah dan merayu keputusan bantahan.

“Bagaimanapun, sehingga hari ini (semalam), kami tidak menerima sebarang bantahan daripada mana-mana pihak dan pengisytiharan rasmi hanya akan dilakukan Isnin ini,” katanya.

Menurutnya, tempoh bantahan panjang bagi menge-lakkan insiden tidak diingini seperti berlaku ketika proses bantahan tahun lalu.

UM akan mengadakan pengundian semula hari ini membabitkan dua kerusi Kawasan Fakulti iaitu Fakulti Sains Komputer dan Teknologi serta Fakulti Pendidikan yang sebelum ini mencatatkan keputusan seri.

Berdasarkan pengiraan undi rasmi, daripada 43 kerusi dipertandingkan di UM, kumpulan Pro-Aspirasi menguasai 19 kerusi, Pro-Mahasiswa (20 kerusi), bebas (dua kerusi) dan dua kerusi lagi mencatatkan jumlah undi sama antara kedua-dua calon kumpulan itu.

UIAM pula bersikap positif dengan insiden Selasa lalu dan akan mengadakan pengumuman tarikh pilihan raya semula kampusnya hari ini.

Menurut Dekan Bahagian Pembangunan dan Perhubungan Pelajar UIAM, Dr Akmal Khuzairy Abd Rahman, kemungkinan besar Pemilihan MPP 2012/2013 universiti itu akan berlangsung Selasa depan menggunakan sistem pengundian manual.

Tarikh undi baru itu diluluskan mesyuarat Senat selepas keputusan pilihan raya kampus (PRK) UIAM dibatalkan berikutan masalah teknikal sistem e-voting yang dihadapi pada hari pengundian, Selasa lalu.

Sementara itu, Universiti Putra Malaysia (UPM) pula memperkemas proses pilihan raya kampus dengan menambah tempoh banta-